

**KETUA EKSEKUTIF/KETUA PENGARAH,
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI,
UNIT 34, UNIT DUTI SETEM,
BAHAGIAN TEKNIKAL,
TINGKAT 11, BLOK 9,
KOMPLEKS BANGUNAN KERAJAAN,
JALAN DUTA,
50600 KUALA LUMPUR.**

No. Ruj: **LHDN. 01/34/42/68-180-1(28/02)**

**PENERANGAN MENGENAI PERINTAH DUTI SETEM
(PENGECUALIAN) (NO. 39) 2002 [P.U.(A) 425/2002]
PEMBELIAN RUMAH KOS RENDAH DARIPADA PEMAJU
PADA ATAU SELEPAS 1 JULAI 2002**

A. SKOP PERINTAH

1. Pengecualian duti setem diberikan ke atas pembelian suatu rumah kos rendah. Rumah Kos Rendah ditakrifkan sebagai suatu unit rumah dalam suatu projek Perumahan Kos Rendah yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri atau pihak berkuasa berkenaan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau Labuan dan—
 - (a) dijual dengan harga yang tidak melebihi **RM42,000.00** sekiranya terletak di Semenanjung Malaysia; atau
 - (b) dijual dengan harga yang tidak melebihi **RM47,000.00** sekiranya terletak di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.
2. Rumah Kos Rendah tersebut dibeli daripada pemaju pada atau selepas **1 Julai 2002**.
3. Dokumen-dokumen yang dikecualikan :
 - (i) Surat Perjanjian Jual Beli yang disempurnakan antara pembeli dengan pemaju pada atau selepas 1 Julai 2002.
 - (ii) suratcara yang menguatkuasakan pindah hakmilik harta itu daripada pemaju atau tuan punya tanah yang berdaftar kepada pembeli yang menyempurnakan Perjanjian Jual Beli harta itu dengan pemaju.
 - (iii) suratcara dalam bentuk cagaran yang disempurnakan antara pembeli tersebut dengan suatu bank atau institusi kewangan atau majikan di bawah suatu skim pinjaman perumahan bagi pekerja untuk membiayai pembelian harta itu.

B. BAGAIMANA MEMOHON PENGECUALIAN TERSEBUT.

PEMAJU

Pihak pemaju hendaklah keluaran sijil pengesahan dalam format seperti di Lampiran A untuk mengesahkan bahawa harta tersebut termasuk dalam suatu projek Perumahan Kos Rendah yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri atau pihak berkuasa berkenaan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau Labuan. Sesalinan surat kelulusan hendaklah juga dikepilkan.

PEMBELI

Suratcara yang dikecualikan adalah :

1. **Surat Perjanjian Jual Beli
Surat perjanjian pinjaman
Suratiktan penyerahhakan sebagai sekuriti**

Dokumen-dokumen tersebut tidak perlu dikemukakan kepada pejabat setem. Pihak peguam yang menguruskan transaksi tersebut boleh menurunkan catatan pengecualian setelah berpuashati bahawa pengecualian adalah terpakai.

2. **Suratcara pindahmilik tanah (KTN 14A)**

Dokumen ini hendaklah dikemukakan kepada pejabat setem untuk perakuan pengecualian oleh Timbalan Pemungut Duti Setem. Bayaran taksir sebanyak RM10.00 hendaklah dibayar. Dokumen-dokumen yang berikut juga hendaklah disertakan :

- (i) sesalinan Surat Perjanjian Jual Beli;
- (ii) Sijil Pengesahan yang disahkan oleh Pemaju;
- (iii) 3 salinan borang PDS 15 [Deklarasi di bawah Seksyen 5 Akta Setem 1949].

3. **Suratcara Dokumen Gadaian (KTN 16A)**

Dokumen ini hendaklah dikemukakan kepada pejabat setem untuk perakuan pengecualian oleh Timbalan Pemungut Duti Setem. Dokumen-dokumen yang berikut juga hendaklah disertakan :

- (i) sesalinan surat perjanjian pinjaman;
- (ii) sesalinan sijil pengesahan oleh Pemaju yang diakui sah;
- (iii) sesalinan Surat Perjanjian Jual Beli.

C. BAGAIMANA MEMOHON BAYARAN BALIK DUTI SETEM YANG TELAH DIBAYAR KE ATAS DOKUMEN

1. Permohonan bayaran balik duti setem ke atas dokumen yang telah disetemkan hendaklah dikemukakan kepada pejabat setem yang berkenaan (iaitu pejabat setem dimana dokumen-dokumen itu disetemkan).
2. Bagi tujuan tuntutan bayaran balik duti setem yang telah dibayar, dokumen-dokumen berikut hendaklah dikemukakan kepada pejabat setem untuk diproses :
 - (i) salinan **asal** dan sesalinan fotostat setiap dokumen yang berkenaan hendaklah diserahkan kepada pejabat setem. Salinan **asal** akan dikembalikan selepas tindakan sewajarnya diambil.
 - (ii) sesalinan sijil pengesahan (yang diakui sah) yang dikeluarkan oleh Pemaju.
 - (iii) surat permohonan bayaran balik. Sekiranya pemohon diwakili oleh firma guaman, nama dan alamat bank serta nombor akaun ("akaun pelanggan") dimana bayaran tersebut akan dikreditkan hendaklah dinyatakan.

Untuk keterangan selanjutnya, sila hubungi pejabat setem yang berdekatan.

Unit Duti Setem,
Bahagian Teknikal.
8 November 2002

PENGESAHAN BAGI TUJUAN PENGECUALIAN DUTI SETEM

Nama & Alamat Pemaju :

Nama & Alamat Pembeli :

Warganegara Malaysia Lain-lain No. K.P. Pembeli

Nama Projek :

Jenis Harta Kediaman : No. Lot :

Mukim : Daerah :

Negeri : No. Hakmilik :

Bagi bangunan yang dibahagi-bahagikan tanpa hakmilik strata, nyatakan No. Parcel:

Harga Jualan : **RM** Tarikh Perjanjian :
Jual beli

Dengan ini kami mengesahkan bahawa harta tersebut di atas termasuk dalam projek Perumahan Kos Rendah yang diluluskan oleh :

(i) Kerajaan Negeri _____;

atau

(ii) Pihak berkuasa berkenaan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau Labuan.

Sesalinan surat kelulusan yang berkenaan disertakan sebagai bukti.

Tandatangan : _____

Nama yang menandatangani : _____

Cop Pemaju : _____

Diterbitkan pada 24 Oktober 2002

P.U. (A) 425

AKTA SETEM 1949
PERINTAH DUTI SETEM (PENGECUALIAN) (NO. 39) 2002

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 80(1) Akta Setem 1949 [*Akta 378*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Pengecualian) (No. 39) 2002**.
- (2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2002.

Pengecualian

2. (1) Suatu cara yang dinyatakan dalam Jadual yang disempurnakan berkaitan dengan pembelian suatu rumah kos rendah dikecualikan daripada duti setem.
 - (2) Bagi maksud subperenggan (1), “rumah kos rendah” ertinya suatu unit rumah yang dibina dalam suatu projek Perumahan Kos Rendah yang diluluskan oleh suatu Kerajaan Negeri atau pihak berkuasa berkenaan, berkenaan dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau Labuan dan -
 - (a) sekiranya terletak di Semenanjung Malaysia, dijual dengan harga yang tidak melebihi RM42,000.00; atau
 - (b) sekiranya terletak di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekututan Labuan, dijual dengan harga yang tidak melebihi RM47,000.00.

Pembatalan

3. Perintah Duti Setem (Pengecualian) (No. 33) 1999 [*P.U.(A) 475/1999*] yang disiarkan dalam *Warta* pada 11 November 1999 dibatalkan.

JADUAL

- (a) Semua surat cara Perjanjian Jual Beli yang disempurnakan antara pembeli dengan pemaju pada atau selepas 1 Julai 2002.
- (b) Semua surat cara yang menguatkuasakan pindah hakmilik harta itu daripada pemaju atau tuan punya tanah yang berdaftar kepada pembeli yang dinamakan dalam Perjanjian Jual Beli dalam perenggan (a).
- (c) Semua surat cara dalam bentuk cagaran yang disempurnakan antara pembeli yang dinamakan dalam Perjanjian Jual Beli dalam perenggan (a) dengan suatu bank atau institusi kewangan atau majikan di bawah suatu skim pinjaman perumahan untuk pekerja bagi mendapatkan pendahuluan wang untuk membiayai pembelian harta itu.

Dibuat 9 Oktober 2002.

[Perb. CR(8.09)248/39/7-90 Vol. 5; LHDN.01/34/42/68-180-1(18/02); PN(PU2)159/XXVII]

Bagi pihak dan atas nama Menteri Kewangan

CHAN KONG CHOY
Timbalan Menteri Kewangan

P.U. (A) 425

STAMP ACT 1949
STAMP DUTY (EXEMPTION) (NO. 39) ORDER 2002

IN exercise of the powers conferred by subsection 80(1) of the Stamp Act 1949 [*Act 378*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Stamp Duty (Exemption) (No. 39) Order 2002**.
- (2) This Order is deemed to have come into operation on 1 July 2002.

Exemption

2. (1) The instruments set out in the Schedule which are executed in connection with the purchase of low cost house are exempted from stamp duty.
- (2) For the purpose of subparagraph (1), “low cost house” means a unit of house built within a Low Cost Housing project approved by a State Government or the appropriate authority, in respect of the Federal Territory of Kuala Lumpur or Labuan and -
 - (a) if situated in Peninsular Malaysia, sold at a price not exceeding RM42,000.00; or
 - (b) if situated in Sabah, Sarawak or the Federal Territory of Labuan, sold at a price not exceeding RM47,000.00.

Revocation

3. The Stamp Duty (Exemption) (No. 33) Order 1999 [*P.U.(A) 475/1999*] published in the *Gazette* on 11 November 1999 is revoked.

SCHEDULE

- (a) All instruments of Sale and Purchase Agreement executed between the purchaser and the developer on or after 1 July 2002.
- (b) All instruments effecting the transfer of title of the property from the developer or the registered land owner to the purchaser named in the Sale and Purchase Agreement in paragraph (a).
- (c) All instruments in the nature of security executed between the purchaser named in the Sale and Purchase Agreement in paragraph (a) and a bank or financial institution or employer under an employee housing loan scheme for money advances to finance the purchase of the property.

Made 9 Oktober 2002.

[Perb. CR(8.09)248/39/7-90 Vol. 5; LHDN.01/34/42/68-180-1(18/02); PN(PU2)159/XXVII]

On behalf and in the name of the Minister of Finance

CHAN KONG CHOY
Deputy Minister of Finance